

27/08/2002

Kerajaan pantau operasi institusi pendidikan swasta

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan kerajaan tidak akan membiarkan institusi pendidikan swasta beroperasi secara bebas tanpa sebarang pemantauan.

Perdana Menteri berkata, bahaya akan timbul jika ada pihak menawarkan pendidikan bermutu rendah, apatah lagi menjual sijil, diploma dan ijazah tanpa mengendalikannya kursus dan menilai tahap ilmu yang diperlukan.

Katanya, orang yang tidak bertanggungjawab itu bukan saja akan menjejaskan sistem pendidikan, malah nama baik negara.

"Oleh itu, satu tahap keupayaan mesti ditentukan bagi semua institusi pendidikan dan sudah tentu perlu ada pemantauan yang mencukupi," katanya ketika melancarkan Universiti Terbuka Malaysia (Unitem) di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, Lembaga Akreditasi Negara (LAN) akan terus memantau industri pendidikan swasta, walaupun sesetengah institusi yang benar-benar layak dan berkemampuan mungkin tidak senang dengan campur tangan badan itu dalam pengurusan institusi mereka.

"Sebenarnya ia adalah untuk kebaikan institusi yang benar-benar layak apabila LAN memastikan mutu dipertahankan bagi membebaskan mereka daripada nama buruk yang disebabkan oleh pengusaha 'payung terjun' serta akibat persaingan untuk mendapatkan pelajar," katanya.

Dr Mahathir berkata, industri pendidikan kini berkembang pesat apabila sektor swasta dibenarkan memiliki dan mengendalikan perkhidmatan itu sehingga ke peringkat universiti, berbanding sebelum ini dimonopoli kerajaan.

Sehingga kini, lebih 600 institusi pendidikan swasta menawarkan kursus dan latihan pada pelbagai peringkat dengan sebahagiannya bersaiz kecil manakala yang lain bertaraf universiti.

Perdana Menteri juga berkata, pendidikan tinggi akan terus berkembang pada masa depan kerana dalam masyarakat berasaskan maklumat, keperluan untuk mendapatkan pendidikan lanjutan menjadi semakin mendesak.

Malah, beliau berpendapat, universiti dalam bentuk yang wujud hari ini akan berubah dalam pelbagai cara untuk memenuhi tuntutan perubahan zaman.

Beliau turut menyarankan universiti memberi perhatian terhadap pembangunan perisian pendidikan dengan menyumbang dalam pengajaran dan perkembangan kemahiran pengaturcaraan perisian komputer.